

**6.15 ptg.**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk Batu Kawan membahas pindaan kepada Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019. Malaysia sebagai sebuah negara maritim mempunyai *coast line* yang ke-29 terpanjang di dunia. Jumlahnya sebanyak 4,675 kilometer. Sepanjang 2,068 kilometer di Semenanjung, Malaysia dan 2,007 kilometer di Sabah dan Sarawak. Secara amnya, kehilangan USD23.5 bilion dilihat atau bersamaan dengan RM97.3 bilion hilang daripada 26 juta tan ikan yang ditangkap secara haram atau dicuri dari lautan kita.

Maka, ia satu perusahaan yang sangat lumayan (*lucrative*) dan sudah pasti dilindungi oleh sindiket-sindiket kapal-kapal ikan yang menceroboh lautan kita ini. Isu-isu merentas sempadan termasuklah isu penyeludupan, pemerdagangan orang, pelbagai pelanggaran hak asasi manusia seperti penghambaan di atas bot, isu keganasan, lanun, keselamatan dan ancaman terhadap ekosistem lautan, termasuk juga penyeludupan narkotik dan senjata menjadi satu ancaman kepada lautan Malaysia.

Saya menyokong usaha pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan komitmen Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas dengan izin, *rule of law* yang berhubung kait dengan pindaan rang undang-undang ini, di mana kapal-kapal di *high seas* yang khas untuk menangkap ikan akan diselenggara dan diuruskan. Usaha ini tidak boleh berjaya dengan hanya Kerajaan Malaysia yang komited untuk mengurus dan menyelenggarakan kapal-kapal yang masuk ke dalam perairan Malaysia. Ia perlukan komitmen dan kerjasama dari negara-negara ASEAN dan di luar kawasan ini.

Saya ingin bertanya apakah usaha kementerian dengan izin, *transboundary* untuk lebih banyak penglibatan negara-negara lain untuk memastikan usaha kementerian kita tidak sia-sia sahaja. Memandangkan sekiranya wujud pindaan undang-undang ini dan diluluskan, maka, ia budi bicara undang-undang ini hanyalah dalam perairan kita sahaja. Bagaimana pula dengan kapal-kapal yang menceroboh ataupun kapal-kapal yang menjadi satu ancaman kepada kapal-kapal daripada Malaysia?

Selain daripada itu, adakah kerajaan berhasrat untuk meratifikasikan *Cape Town Agreement 2012* yang akan melindungi nelayan-nelayan kita dengan izin, *workers on boats* dan juga Convention ILO iaitu *Work in Fishing Convention*, memandangkan Thailand sudah meratifikasi dan memberikan komitmen untuk memastikan nelayan-nelayan di atas kapal dijamin dengan izin, *working and living conditions* yang optimum dan selamat.

Thailand merupakan negara Asia yang pertama untuk meratifikasi *Work in Fishing Convention* dan saya ingin bertanya, adakah Malaysia akan turut serta untuk meratifikasikan *convention* ini untuk bukan sahaja memberi perlindungan dan keselamatan di lautan Malaysia, tetapi juga kebajikan dan nelayan-nelayan kita dalam bot yang bekerja di atas bot juga?

Sebagai rakan atau *partner* di dalam komitmen *sustainable development goals*, perlulah kita ingat komitmen Malaysia kepada SDG 14 iaitu *life below water* untuk melindungi, memelihara dan memulihara khazanah lautan kita. Pada bulan Jun, tahun ini, *Parliamentarians for Global Action* (PGA) telah menganjurkan satu taklimat di Parlimen di mana Tuan Yang di-Pertua sendiri telah memberikan ucapan aluan, sokongan serta galakan kepada semua ahli Parlimen dan memperingati kita, tanggungjawab kita untuk menjadi benteng pertahanan kemaslahatan lautan kita.

Salah satu isu yang penting yang telah dibangkitkan adalah keadaan kapal-kapal yang lama dan usang yang pertama akan menjadi satu *harm* atau membawa bahaya kepada pekerja-pekerja nelayan atas kapal-kapal tersebut.